EVOLUSI DEKAD
DEWAN LATIHAN MARA ke UITM
1956-2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA®

RONA TINTA

EDISI 2026



YÌ CHŪN WǑMEN YĪDÌNG HUÌ ZÀILÁI DE!
YICHUN, KAMI PASTI AKAN DATANG LAGI!

Nur Jihan Md Johan, Sazlin Suhalmie Mohd Shariff, Nordayana Zulkfili & Masilah Mohamad

5 Disember 2025, bermulalah perjalanan kami membawa pelajar ke Yichun untuk menimba pelbagai ilmu dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh pihak Kolej Yichun. Selama hampir 10 hari disana banyak yang dipelajari dan ia merupakan satu peluang keemasan bagi kami semua.





Gambar 1: Bergambar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

Mengenali Yichun...

Yichun ialah sebuah bandar yang terletak di wilayah Jiangxi, China. Bandar Yichun indah dengan persekitaran yang hijau dan aman. Yichun juga terkenal dengan sejarah dan kesahnya dari dulu lagi. Dengan keindahan semula jadinya, ia menjadikan Yichun sebagai satu pusat pendidikan dan budaya di rantau tersebut. Maka, Yichun sering digelar bandar yang sesuai untuk menimba ilmu dan tempat mempelajari kehidupan yang lain dari negara luar.



Gambar 2: Pergunungan Mingyue

Yichun mempunyai iklim yang sederhana, dikelilingi oleh gunung-ganang, hutan-hutan dan sumber semula jadi yang melimpah ruah. Antara gunung yang terkenal di Yichun adalah pergunungan Minyue yang aman dan amat sesuai bagi pendaki untuk menikmati keindahan alam di Mingyue. Di pergunungan Mingyue terdapat sungai yang bersih dan pendaki serta pengunjung boleh mendirikan khemah di atas pergunungan Mingyue. Terdapat juga tempat penginapan di atas pergunungan Mingyue yang amat memudahkan pendaki untuk

bermalam disana. Dengan kehijauan alamnya, maka amat sesuailah bagi pengunjung untuk merasai keenakkan makanan dan minuman di kafeteria yang terletak di kaki pergunungan Mingyue. Sambil menghirup kopi, sambil melihat kehijauan dan mendengar kesegaran sungai yang mengalir.

Selain pergunungan Mingyue, pekan Wentang yang merupakan bandar kecil Yichun juga amat menarik. Wentang ialah sebuah pekan yang punyai tempat bersejarah yang boleh dilihat dan diamati. Kolam air panas Wentang merupakan salah satu tarikan di pekan Wentang. Ianya mempunyai keunikan tersendiri dan sangat digemari bukan sahaja penduduk setempat, malah pengunjung dari bandar lain dan pelancong dari luar negara. Di pertengahan pekan terdapat artifak kolam air panas sejak dari zaman dahulu dan sejarahnya amat unik. Di pekan Wentang juga terdapat gerai-gerai yang menarik dan juga terdapat pertunjukkan dari pelbagai artis tempatan yang kreatif. Pertunjukkan penulisan seni tradisi China juga amat terkenal di pekan Wentang. Ianya menarik minat pengunjung yang melihat sediri kekreatifan penduduk Yichun. Maka benarlah Yichun terkenal dengan budaya tradisional China, seni, dan warisan sejarah yang masih dipelihara sehingga kini.



Gambar 3: Pekan Wentang yang Cantik

Ekonomi Yichun berkembang pesat, terutamanya dalam bidang pertanian moden, industri, dan pelancongan. Gabungan pembangunan moden dan pemeliharaan alam menjadikan Yichun sebuah bandar yang seimbang antara kemajuan dan kelestariannya. Selain itu, penduduk di Yichun mahir dalam bidang pertanian kerana sejak kecil mereka telah diajar untuk bertani. Di sekolah juga bermula dari sekolah tadika mereka juga mempunyai silibus dan aktiviti pertanian. Maka, tidak hairanlah penduduk Yichun mahir dalam pertanian. Bukan itu sahaja, beberapa industri telah dipelopori oleh masyarakat Yichun. Dalam bidang pembuatan contohnya, kenderaan elektrik telah banyak dicipta di negara China dan ianya telah terjual di merata dunia seperti di Malaysia dan Singapura.



Gambar 4: Menimba Ilmu Berkenaan



Gambar 5: Aktiviti di Sekolah Tadika



Gambar 6: Menimba Ilmu Berkenaan Kesihatan dan Keselamatan Diri Bersama Pensyarah Kolej Yichun

Bidang teknikal dan pembuatan menjadi teras utama pembelajaran di bandar Yichun. Kolej Vokasional Teknikal Yichun atau lebih dikenali sebagai Kolej Yichun merupakan institusi pendidikan tinggi yang terbesar di Yichun. Dengan matlamat untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan beretika, Kolej Yichun menawarkan 53 program vokasional dengan 9 kolej sekunder dan juga 5 program utama negara. Antaranya program pengajian dalam bidang seperti kejuruteraan, teknologi dan sains. Selain itu, Kolej Yichun juga menawarkan program ekonomi, seni, dan pendidikan. Dengan keluasan seluas 247 ekar, Kolej Yichun mampu menampung seramai 19,000 pelajar sepenuh masa dan kakitangan termasuk tenaga pengajar dan pentadbiran dalam satu-satu masa.

Selain itu, Kolej Yichun ialah sebuah kampus yang cukup lengkap, mempunyai suasana pembelajaran yang kondusif dan juga tenaga pengajar yang begitu berpengalaman dan berdedikasi amat membantu para pelajarnya mencapai keputusan yang memberangsangkan. Maka tidak hairanlah Kolej Yichun amat menekankan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penyilidikan dan inovasi dikalangan jumlah pelajar yang begitu besar. Ini membuktikan kewujudan Kolej Yichun memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negeri Yichun. Malah, kebanyakan graduannya telah mencurah bakti terhadap pembangunan bandar Yichun sendiri.



Gambar 7: Kelas Seni Kreatif

Keindahan alam dan persekitaran yang hormoni di Yichun memberikan satu gambaran yang tenang buat pengunjung yang pertama kali berkunjung ke Yichun. Walaupun ia bukan sebuah negeri pelancongan, tetapi tidak dinafikan persekitarannya amat menyenangkan. Penduduknya juga saling menghormati dan sering teruja melihat pengunjung-pengunjung dari luar negara. Berada di Yichun umpama berada di perkampungan yang hijau. Kesibukan di bandaraya Yichun tidak membingitkan telinga, malah melihat disiplin dan aturan mereka di jalan raya yang begitu hingar dan sesak amat mengagumkan.

Yichun sebuah negeri yang ideal dan menarik di China untuk dikunjungi. Bandar-bandar yang aman, budaya, pendidikan serta kehidupan yang tersendiri melambangkan identiti mereka sendiri. Pengalaman di Yichun amat berharga dan kenangan yang indah di sana. Banyak ilmu dan suasana yang boleh dipelajari di sana. Ianya amat berbeza dengan negara ibunda kita di Malaysia. Semoga ada rezeki peluang untuk kami berkunjung dan menimba ilmu ke Yichun lagi.

Terima kasih Kolej Vokasional Teknikal Yichun kerana memilih kami ke sana.



Gambar 8: Bergambar Kenangan Bersama Wakil Kolej Vokasional Teknikal Yichun (Penolong Pengarah dan Pelajar Malaysia di Yichun) serta Guru-guru di Sekolah Rendah Yichun, China